

# Kenyataan Sebut Harga Bil. 24/2026

Tarikh Iklan : 23 Jun 2026 (Selasa)

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempelawa kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** yang beralamat di **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja** dalam Kod Bidang yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

| BIL. SEBUTHARGA | BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA DAN HARGA DOKUMEN   | KELAYAKAN PETENDER   | TARIKH SEBUTHARGA DIBUKA DAN SEBUTHARGA DITUTUP  |
|-----------------|--|--|--|
| 2026/B148       | Perkhidmatan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Di Linear Park, Jalan Medang Serai, Bukit Bandaraya, Kuala Lumpur Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun<br><br><b>Harga Dokumen: RM300.00</b> | <b>Bumiputera Berdaftar Dengan KKM</b> yang Beralamat Di <b>Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja</b><br><br>Kod Bidang 221002 Dan 221003 Dan 222102 | <b><u>Tarikh Taklimat Tapak</u></b><br>30 Jun 2026 (Selasa)<br><br><b><u>10.00 Pagi – 11.00 Pagi</u></b><br>Serai Linear Park Enterance B, Jalan Medang Serai, Off Jalan Medang Tanduk, Bukit Bandaraya, 59100 Kuala Lumpur<br><br><b><u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u></b><br>17 Julai 2026 (Jumaat) |

1. Bagi pembelian dokumen sebutharga, petender atau wakil hendaklah mendaftar terlebih dahulu **secara atas talian** di laman sesawang [eperolehan.dbkl.gov.my](http://eperolehan.dbkl.gov.my). Petender hendaklah memastikan sijil yang didaftarkan di **e-perolehan DBKL** masih berkuatkuasa semasa memohon tawaran. Penjualan dokumen sebutharga dijalankan **secara atas talian** sahaja.
2. Pendaftaran kontraktor **secara atas talian** perlu disahkan terlebih dahulu di dalam portal rasmi [eperolehan.dbkl.gov.my](http://eperolehan.dbkl.gov.my)
3. Berkuatkuasa serta-merta keperluan Sijil Pematuhan Cukai (**Tax Compliance Certificate – TCC**) yang **dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berstatus 'PATUH'**
4. Dokumen Sebut Harga ini boleh dibeli **secara 'Online'** di laman web **selepas Sesi Taklimat Tapak**.
5. Kehadiran ke Sesi Taklimat adalah **DIWAJIBKAN**. **HANYA PENAMA DALAM SIJIL SAHAJA** yang **dibenarkan hadir ke Sesi Taklimat** dan hendaklah **Diwajibkan membawa salinan sijil** seperti berikut :-
  - i. **Salinan Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat** dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia
  - ii. **Salinan Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Bumiputera** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia
  - iii. **Cop Syarikat (Rubber Stamp) (Semua)**
  - iv. **Kad Pengenalan Penama Didalam Sijil (Semua)**
6. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor Sebutharga dan tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga tersebut di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.

7. Sekiranya petender tidak mendapat sebarang jawapan daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh iklan ditutup maka tawaran dianggap tidak berjaya.
8. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
9. Untuk keterangan lanjut sila layari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ([www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)) dan laman sesawang eperolehan DBKL ([eperolehan.dbkl.gov.my](http://eperolehan.dbkl.gov.my)).

**DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**

**Tarikh Iklan : 23 Jun 2026 (Selasa)**

**Laman Sesawang : [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)**